



**AHMAD RAZIF ABD. RAHMAN (kiri)** mendengar luahan penduduk mangsa fenomena air pasang besar ketika meninjau keadaan rumah-rumah yang terbabat dalam kejadian tersebut di Kampung Tanjung Gelam, Kuala Terengganu, semalam.

## Terengganu tambak segera tiga kawasan pantai alami hakisan teruk

**KUALA TERENGGANU 27 Jan.** - Tiga kawasan pantai di negeri ini yang mengalami hakisan teruk akan ditambah segera bagi meredakan kebimbangan penduduk di kawasan pantai dan mengelak kemusnahan lebih besar.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman memberitahu, ia meliputi pantai Paka di daerah Dungun, kawasan tanah benchah Setiu dan Tanjung Gelam di sini dengan peruntukan awal disalurkan oleh Kerajaan Pusat dan negeri.

"Sebenarnya Kerajaan Pusat telah meluluskan RM8 juta bagi kerja-kerja penambakan di pantai Paka tahun hadapan manakala sebanyak RM700,000 bagi kerja-kerja itu tahun ini.

"Bagi kawasan pantai di tanah benchah Setiu pula, kerajaan Pusat turut meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta dengan RM1

juta daripadanya pada tahun ini untuk kerja-kerja reka bentuk projek,"ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat rumah penduduk yang dilanda hakisan akibat fenomena ombak besar melanda kawasan Pantai Tanjung Gelam, dekat sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), C.C Poobalan dan Ketua Polis negeri, Datuk Rosli Ab Rahman.

Mengenai Pantai Tanjung Gelam pula, Ahmad Razif berkata, kerja-kerja menambak dan membina benteng-benteng pemecah ombak pantai telah dibuat sebelum ini bermula di Kampung Tok Jembal hingga ke pantai Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sepanjang 250 meter.

Katanya, kerja-kerja menambak itu akan dipanjangkan sehingga satu kilometer lagi hingga ke

Tanjung Gelam.

"Bagi penyelesaian sementara, kerajaan negeri mengeluarkan peruntukan segera sebanyak RM1 juta bagi kerja-kerja menambak kawasan pantai di kampung itu dan kerja-kerja sedang berjalan sekarang," katanya.

Mengenai nasib penduduk yang kediaman mereka rosak dan terancam setelah keadaan diburukkan lagi dengan fenomena air pasang kini, kerajaan negeri membantu membaiki atau membina rumah baharu untuk mereka di kawasan kediaman sekarang sekiranya keadaan membolehkan.

Katanya, kerajaan negeri menawarkan bantuan rumah berharga RM40,000 seunit kepada tujuh penduduk yang menjadi mangsa itu selain rumah mampu milik bernilai kira-kira RM68,000 dengan pendahuluan lebih RM20,000 akan diberikan.